

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan senarai nama ahli Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), nama organisasi yang diwakili mereka dan senarai aktiviti serta perbelanjaan yang terlibat untuk semua zon di semua kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Segambut, sehingga 19 Oktober 2020, seramai 1,419 orang ahli Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) bagi sesi 2020/2021 telah selesai dilantik iaitu merangkumi 1,233 orang ahli di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 68 orang ahli di Wilayah Persekutuan Labuan dan 118 orang ahli di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Ahli MPPWP yang dilantik dianggotai oleh individu-individu yang berpengaruh di suatu kawasan termasuk wakil persatuan penduduk, wakil Joint Management Body (JMB)/ Management Corporation (MC), wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), wakil persatuan belia dan persatuan sukan, wakil persatuan berasaskan aktiviti ekonomi, Jawatankuasa Masjid atau keagamaan dan kakitangan Kerajaan. Mereka juga merupakan opinion leaders yang dihormati dalam kalangan komuniti dan

berpengalaman luas dalam aktiviti kemasyarakatan serta mempunyai pengaruh yang baik dalam kalangan masyarakat setempat.

Secara keseluruhan, Kementerian Wilayah Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM6,132,600 bagi pelaksanaan MPPWP. Jumlah ini terdiri daripada RM5,240,400 untuk MPPWP Kuala Lumpur, RM415,800 untuk MPPWP Labuan dan RM476,400 untuk MPPWP Putrajaya. Melalui penyaluran peruntukan ini, MPPWP dapat mengurus tadbir MPPWP serta melaksanakan program dan aktiviti kemasyarakatan berdasarkan lima (5) teras MPPWP iaitu:

- 1) Keselamatan, Perpaduan dan Kesejahteraan;
- 2) Ekonomi dan Keusahawanan;
- 3) Modal Insan dan Pendidikan & ICT;
- 4) Sukan dan Rekreasi; dan
- 5) Kesihatan, Kebersihan dan Alam Sekitar.

Susulan penularan wabak Covid-19 di negara kita yang semakin meningkat, sebahagian pelaksanaan program dan aktiviti kemasyarakatan di setiap Parlimen terpaksa ditangguhkan manakala beberapa program dan aktiviti diteruskan mengikut pematuhan Garis Panduan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

Walau bagaimanapun, selaras dengan aspirasi “Wilayah Prihatin”, Kementerian Wilayah Persekutuan masih komited dalam merencana inisiatif yang bersesuaian dalam memastikan penyampaian perkhidmatan tetap dapat disampaikan kepada komuniti di peringkat akar umbi.

Sekian, terima kasih.